KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

POLISI ANTIRASUAH

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PLANMalaysia)

PLANMalaysia bertekad mempertahankan prinsip memerangi rasuah dalam semua aktiviti dan operasi berasaskan nilai integriti dan akauntabiliti. Bagi merealisasikan polisi ini, **PLANMalaysia** komited mematuhi perkara-perkara berikut:

1. **PLANMalaysia** akan bertindak tegas dan tidak akan bertoleransi terhadap apa-apa bentuk/kes rasuah (*zero tolerance towards corruption*) sama ada memberi atau menerima oleh atau daripada warga **PLANMalaysia** atau mana-mana individu atau syarikat yang bertindak untuk **PLANMalaysia** atau bagi pihaknya;

2. **PLANMalaysia** beriltizam mengekalkan standard integriti yang paling tinggi termasuk mencegah perlakuan yang berunsur dan berpotensi rasuah serta tidak beretika dalam pelaksanaan aktiviti dan operasi **PLANMalaysia**;

3. Pengurusan Tertinggi **PLANMalaysia** komited untuk menerapkan elemen antirasuah serta memantapkan kawalan dalaman bagi memastikan warga **PLANMalaysia** mematuhi undang-undang, arahan perbendaharaan, pekeliling, peraturan dan prosedur yang berkuatkuasa dan seterusnya berusaha mencegah, memantau dan menghapuskan rasuah serta memastikan penambahbaikan *Anti-Bribery Management System* (ABMS) **PLANMalaysia** dilaksanakan secara berterusan;

4. Warga **PLANMalaysia** wajib mematuhi Polisi Antirasuah yang ditetapkan dan pelanggaran kepada polisi ini membolehkan tindakan punitif dikenakan kepada mereka yang terlibat dalam rasuah;

5. Warga **PLANMalaysia** atau orang awam boleh membuat aduan dan mendedahkan apa-apa kelakuan rasuah di **PLANMalaysia** melalui saluran aduan Sistem Aduan Tatakelakuan dan Rasuah (SATRA) (warga **PLANMalaysia** Ibu Pejabat sahaja) atau aduan terus ke Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa **PLANMalaysia** atau berhubung dengan Pegawai Integriti melalui emel, telefon atau hadir ke Unit Integriti. Setiap aduan yang diterima melalui saluran ini adalah SULIT dan ia akan direkodkan dan disiasat dengan telus dan adil; dan

6. Unit Integriti diberi tanggungjawab dan kuasa untuk mengawasi pematuhan undang-undang, arahan perbendaharaan, pekeliling, peraturan, prosedur yang berkuatkuasa serta ABMS **PLANMalaysia** dengan pelaporan terus kepada Pengurusan Tertinggi **PLANMalaysia** atau Badan Pentadbir KPKT bagi isu-isu yang berkaitan rasuah.

TPr Dr. Alias bin Rameli
Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Tarikh : 13 Februari 2023